

KENYATAAN MEDIA
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR, MALAYSIA

***POPULASI KUDA DI TURF CLUB SELANGOR, PERAK DAN PENANG PULIH
JANGKITAN PENYAKIT EQUINE INFLUENZA (SELSEMA KUDA)***

1. Penyakit "Equine Influenza" tidak pernah dilaporkan berlaku di Malaysia. Malaysia melaporkan kepada pihak Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) didalam laporan setiap enam bulan, bagi penyakit tersebut sebagai "disease absent" berdasarkan kepada surveien yang dijalankan keatas kuda-kuda yang diimport dan kuda-kuda residen di dalam negara.
2. Walaubagaimanapun status "disease absent" tersebut berubah berikutan laporan kes positif penyakit tersebut pada sekumpulan tiga (3) ekor kuda yang dibawa masuk dari negara New Zealand dan transit di Singapura sebelum tiba di stesen kuarantin KLIA pada 31hb Julai 2015. Kuda-kuda tersebut telah menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari di stesen kuarantin KLIA tanpa sebarang tanda-tanda sakit pernafasan dikesan.
3. Pada 14hb Ogos 2015, sebelum kuda-kuda tersebut dibawa keluar dari stesen kuarantin untuk ke turf club di negeri Selangor (Selangor Turf Club (STC), Perak Turf Club (Perak TC) dan Penang Turf Club (PTC)), kuda-kuda tersebut diberi suntikan vaksin equine influenza virus (EIV) sebagai langkah kawalan jangkitan.
4. Pada tarikh yang sama iaitu pada 14hb Ogos juga seekor kuda telah dipindahkan ke Perak TC. Manakala pada 15hb Ogos pula, dua (2) ekor kuda telah dipindahkan ke STC. Seekor lagi kuda dipindahkan ke Penang TC pada 20hb Ogos.